

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 09 / 2007

# Musa punyai kredibiliti, integriti – Abdullah

UM- 11/9/2007

**KUALA LUMPUR** 10 Sept. – Kerajaan menyambung perkhidmatan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan selama dua tahun berkuat kuasa 14 September ini kerana beliau mempunyai kredibiliti dan integriti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau menaruh kepercayaan tinggi terhadap Musa berdasarkan komitmen dan pengalaman luasnya untuk membawa perubahan dan pembaharuan dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Ini amat penting kerana kerajaan sememangnya bertekad untuk melihat satu transformasi bagi PDRM agar ia dapat menjadi pasukan yang lebih cekap dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah.

“Dalam melaksanakan perubahan yang diperlukan ini, seseorang ketua perlu diberi masa agar beliau dapat menjalankan tugas dengan penuh konsisten.

“Untuk itu, keputusan melanjutkan kon-

trak Musa dibuat kerana saya percaya beliau perlu diberi masa untuk melaksanakan sebarang pembaharuan yang diperlukan bagi pasukannya,” kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Lim Hock Seng (DAP-Bagan)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini. Hock Seng bertanya adakah langkah menyambung perkhidmatan Musa menunjukkan PDRM kekurangan bakat.

Pada 17 Ogos lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof dalam satu kenyataan mengumumkan perkhidmatan Musa disambung sehingga 13 September 2009.

Musa dilantik ke jawatan itu pada 12 September 2006 menggantikan Tan Sri Mohd. Bakri Omar. Beliau merupakan lulusan undang-undang dari United Kingdom dan telah menyertai pasukan polis selama 38 tahun.

**Dalam melaksanakan perubahan yang diperlukan ini, seseorang ketua perlu diberi masa agar beliau dapat menjalankan tugas dengan penuh konsisten**

**ABDULLAH  
AHMAD  
BADAWI**  
Perdana  
Menteri

Menurut Abdullah, keputusan itu dibuat berdasarkan ciri-ciri kerja yang ada pada Musa dan keupayaannya untuk mengetuai pasukan polis.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa beliau mahu Musa meneruskan usaha gigihnya bagi membanteras segala bentuk jenayah yang berlaku.

“Sememangnya saya bertekad untuk memastikan keselamatan awam terus terjamin dan saya dapati Musa juga mempunyai komitmen sama untuk memerangi jenayah tanpa jemu dan tanpa mengenal erti putus asa,” tegasnya.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Da-

lam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dalam jawapan bertulis kepada soalan **Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh)** memberitahu, pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi berkenaan anggota Iktan Relawan Rakyat (Rela) melakukan kesalahan semasa menjalankan operasi.

Beliau berkata, ada aduan yang dibuat secara umum melalui akhbar-akhbar yang mendakwa anggota Rela bertindak kasar dan mengambil harta milik pendatang asing tanpa izin.

“Setakat ini tiada seorang pun anggota Rela didakwa di mahkamah atas kesalahan yang dilakukan semasa menjalankan operasi,” ujarnya.